





PERANAN KIAI AHMAD ZUHRI MUTAMMIM DALAM PENDIDIKAN DAN DAKWAH, REFLEKSI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AL-ZUHRI

Penyampai: Sundusia Rosdi

Seminar Ulama Nusantara, Peranan Dalam Pendidikan & Dakwah
Anjuran Institut Pengajian Tinggi Al-Zuhri
Sabtu, 4 November 2023, 9 pagi - 1.30 petang

BIOGRAFI KIAI AHMAD ZUHRI



KIAI ZUHRI SEBAGAI PENDIDIK & PENDAKWAH

- **PENDIDIK:**

- Mengajar, mendidik dan melatih pelajar-pelajar kanak-kanak juga remaja tentang ilmu agama Islam di madrasah-madrasah dan masjid-masjid.
- Terlibat dalam pentadbiran dan penubuhan beberapa madrasah (Madrasah Alsagoff, Sekolah Ugama Radin Mas & Madrasah Al-Irsyad Zuhri).

- **PENDAKWAH:**

- Menyeru dan meyakinkan masyarakat supaya menerima ajaran Islam yang murni.
 - Menjalankan kegiatan-kegiatan dakwah secara lisan melalui kelas-kelas bimbingan agama untuk orang-orang dewasa.
 - Terlibat dalam badan-badan dakwah : Pergas dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).
 - Aktif dalam penulisan artikel di akhbar, minit dan catatan mesyuarat dan kitab-kitab agama.
- Kamus Dewan Edisi 4 dengan penyesuaian penulis

BIOGRAFI ALMARHUM KIAI AHMAD ZUHRI MUTAMMIM

- **1905 – 1907:** Dilahirkan di Sedayu Lawas, (Lamongan, Utara Surabaya, Jawa Timur, Indonesia).
- **1915 – 1922:** Menuntut di sekolah rendah dan menengah di Madrasah / Pesantren Tanwirul Afkar di Belimbang (Jawa Timur, Indonesia).
- **1922:** Menunaikan fardu Haji ke Mekah.
- **1923 – 1930:** Melanjutkan pengajian di Perguruan Tinggi Islam, Surabaya, Indonesia.
- **1931:** Berhijrah ke Singapura untuk belajar Bahasa Inggeris.



PENGLIBATAN AWAL DALAM BIDANG PENDIDIKAN

- 1934/35: Pimpin kelas-kelas agama (kanak-kanak) di rumah ibu mentua (47 Kampong Radin Mas, Telok Blangah) dan perkarangan surau (tanah wakaf bapa mentuanya - Kiai Abdul Halim Karto).



- Kiai Zuhri bersama guru-guru agama di Sekolah Ugama Radin Mas.

GURU DAN MUDIR MADRASAH ALSAGOFF AL-ISLAMIAH (1945-1960)



- 1945: Guru sepenuh masa di Madrasah Alsagoff Al-Arabiah (111 Jalan Sultan)
- 1952 - 1960: Dilantik sebagai Mudir Madrasah Alsagoff.
- Antara perubahan yang dilakukan sebagai Mudir:
 - Naikkan gaji bulanan asatizah.
 - Asingkan pelajar-pelajar lelaki & perempuan) dalam 2 sesi kelas.
 - Tingkatkan taraf pendidikan - penggunaan bahasa Arab.

ANTARA PENGGERAK UTAMA PENUBUHAN MADRASAH AL-IRSYAD (1947)

- **1947:** Kiai & muridnya, Ustaz Mohd Idris Ahmad (1926–2019) bantu jawatan kuasa dan asatizah rancang penubuhan dan pentadbiran Maahad Al-Irsyad.
- **1990:** Nama baharu Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiah. Pendaftaran pelajar baharu meningkat. Dengan usaha para asatizah dan sokongan badan-badan Islam bermulanya visi mengekalkan kewujudan madrasah dan pendidikan Islam di Singapura.
- **2007:** Berpindah ke Pusat Hab Islam, MUIS (Braddell Road).
- **2014:** Penamaan semula Madrasah - "Madrasah Irsyad Zuhri Al-Islamiah" untuk iktiraf jasa dan sumbangan perintisnya, Kiai Ahmad Zuhri.



ANTARA PENGASAS SEKOLAH UGAMA RADIN MAS (SURM)




- **1936-1956:** Madrasah tidak rasmi selama 20 tahun di kawasan surau Radin Mas.
- **1956:** Sekolah Ugama Radin Mas (madrasah separuh masa) didirikan. Didafatarkan dibawah Kementerian Pendidikan Singapura. Silibus pelajaran dari Institusi Maahad Johor.
- Kini ditadbir oleh BAPA (Badan Agama dan Pelajaran Radin Mas) di Kembangan Courts.



KIAI ZUHRI SEBAGAI PENDAKWAH

PEMBIMBING AGAMA PELAJAR DEWASA & KAUNSELOR

- Kawasan-kawasan: Telok Blangah, Kampong Gelam, Kembangan, Kampong Melayu, Kaki Bukit.
- Masjid-masjid - Raden Mas, Ellis Road, Jalan Sultan, Alkaff (Kampong Melayu)
- Pondok-pondok Bawean - Minto Road, Sophia Road.
- Island Hopping: Pulau Belakang Mati (kini Sentosa) dan Pulau Ubin.



SUMBANGAN KEPADA BADAN-BADAN ISLAM

ANTARA PENCAPAIAN PERGAS DI
BAWAH PIMPINAN KIAI ZUHRI:

PENGASAS & YANG DIPERTUA PERTAMA PERGAS, 1957-1959



- Jaga kepentingan dan kebajikan para asatizah.
- Pastikan mereka terima gaji setimpal dengan usaha.
- Anjurkan kegiatan tingkatkan ilmu dan kemahiran asatizah.

- Kenalkan:

- kelas -kelas agama berstruktur dan tersusun - di kampung-kampung terpencil dan pulau-pulau. Penubuhan Sekolah Agama Pergas hingga Institut Pengajian Tinggi Pergas (kursus Diploma, Sarjana Muda Sarjana dan Doktor Falsafah).
- tradisi sambutan perayaan Islam dengan pengisian majlis-majlis dakwah.

- Selaraskan kurikulum dan cuti sekolah 42 madrasah-madrasah tempatan. Siliibus merangkumi subjek sains, bahasa Inggeris, Sejarah Melayu - sebagai persediaan untuk memasuki Kolej Islam dan Madrasah Aljunied.

- Pemerintah setuju:

- sertakan subjek Asas Pengetahuan Agama Islam (*Islamic Religious Knowledge (IRK)*) dalam siliibus sekolah pemerintah aliran Melayu (peringkat rendah dan menengah) , 1960-an.
- terima saranan dan bayar gaji tetap untuk guru-guru agama di sekolah pemerintah.
- iktiraf asatizah lulusan sekolah agama rakyat sebagai guru bertauliah mengajar di sekolah-sekolah pemerintah -skim khas *Teaching of Special Subject* diperkenalkan untuk mereka.

PENGLIBATAN DALAM MUIS

1. PENUBUHAN AMLA (ADMINISTRATION OF MUSLIM LAW ACT) - 1966

- Diundang untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman.
- Hadir dalam perbincangan awal penubuhan AMLA (1966) bersama-sama ulama dan asatizah dari pelbagai badan-badan Islam.

2. AHLI JAWATAN KUASA FATWA (1968 - 1975)

- Terlibat dalam:
 - Perbahasan dan menasihati guru 'ajaran songsang', 1969.
 - Perbincangan & pengeluaran fatwa untuk isu-isu:
 - i.Bedah siasat ke atas mayat untuk penyelidikan, 1972.
 - ii.Pendermaan organ selepas kematian, 1973.
 - iii.Pensterilan (*Sterilisation*) - Metode perancangan keluarga, (MPR), 1974.
 - iv. Inseminasi buatan (*Artificial Insemination*) - MPR, 1974.
 - v.Vasektomi dan Pensterilan - MPR, 1976.
 - vi.Pengguguran (*Abortion*), 1976.
 - vii.IUD (*Intra-Uterine Device*) dan Kontraseptif - MPR, 1976.

METOD DAKWAH KIAI

- Metod dakwah Wali Songo (Gabungan ilmu duniawi dengan ukhrawi) secara praktikal, rasional serta berhikmah - melalui teladan yang baik.
- Psikologi - melalui akhlak mulia.
- Balasan gembira / ganjaran pahala dari Allah SWT untuk amalan kebaikan.
- Berfikiran terbuka: tidak pertikai kredibiliti atau menghakimi status pengkritik.
- Berpegang kepada konsep Husnu Zon (berbaik sangka).
- Jelaskan fakta secara objektif dan rasional.
- Isu dikupas dari berbagai aspeknya, merujuk sumber fakta dan fatwa (khususnya semasa menjadi ahli Jawatankuasa Fatwa Muis)
- Berjuang demi kemaslahatan ummah - patuh pada syariah Islam - “kami dengar dan kami taat (*Sami'na wa ato'na*)”
- Berfikiran progresif dalam ilmu Falak. Keluarkan formula kiraan kaedah hisab untuk tentukan permulaan awal bulan Ramadan dan Syawal. Hasil kerja kiraan beliau disiarkan di akhbar menjelang kedua-dua bulan ini.

DAKWAH MELALUI TULISAN

KHUTBAH JUMAAT

- Khutbah pendek (15 minit) tapi penuh hikmah lagi bernas.
- Iltik beratkan pelajaran dan akhlak berbanding sedikit sahaja tentang ibadat.
 - "...ibadat terhadap Allah termasuk juga memperbaiki akhlak dan menuntut ilmu sambil menggalakkan masyarakat Islam agar mengambil berat tentang ilmu khususnya Sains dan Teknologi...".
 - "... bahawa kelalaian masyarakat Islam dalam bidang pelajaran telah mengakibatkan kita ketinggalan dan terlepas peluang untuk maju.
 - Berfikiran progresif walaupun telah berusia 70 tahun ketika itu (1972).



CERAMAH RADIO, MAKALAH & KITAB-KITAB

- Ceramah di radio dan menulis makalah untuk akhbar & majalah.
- Menulis 17 tajuk kitab-kitab dalam bahasa-bahasa Arab, Melayu dan dialek Jawa. 2 tajuk diterbitkan semula.
- Kitab-kitabnya tersimpan di Perpustakaan Pergas dan Lembaga Perpustakaan Negara Singapura (Koleksi Nadir (Rare Materials)).




3 TAJUK BUKU DITERBITKAN SEMULA

Risalah Ilmu Falak (1974 & 2018), Pergas
Al-Amin (1939 & 2021), Akademi Jawi, Malaysia



Suluhan Falsafah (1951 & 2023),
Akademi Jawi Malaysia



LEGASI / PERJUANGAN KIAI DITERUSKAN

KIAI PENTINGKAN PENCARIAN ILMU

- Sentiasa berdamping dengan ilmu.
- Masih baca buku semasa uzur.
- Buat tanda rujukan serta mengingati ilmu yang dipelajarinya.
- Perjuangan cintakan ilmu diteruskan oleh anak-anaknya dengan penubuhan Institut Pengajian Tinggi Al-Zuhri - Insititut Pengajian Tinggi pertama di Singapura (2002).

PERJUANGAN YANG BELUM SELESAI

- “ ... Kalau dahulunya beliau mengajar peringkat asas dari kampung ke kampung, kini perjuangannya dilanjutkan ke peringkat ijazah menerusi Al-Zuhri. Ini merupakan sambungan legasi dan cita-cita Kiai Zuhri untuk menubuhkan pusat pengajian Islam bagi mendidik masyarakat Islam.”
- “... Justeru, langkah untuk menubuhkan pusat pengajian Islam dengan mengambil sempena namanya, Institut Pendidikan Al-Zuhri, merupakan satu usaha untuk melanjutkan perjuangan beliau mengembangkan pendidikan agama selain mengiktiraf jasa beliau.”

Cikgu Wan Hussin (anak Kiai), Pengurus Institut Pengajian Tinggi Zuhri

REFLEKSI INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI AL-ZUHRI

LEGASI & PERJUANGAN KIAI

- Ditubuhkan 2022. Matlamat: lahirkan insan mulia, bertakwa dan berkebolehan agar berjaya di dunia dan akhirat.
- Tawarkan program-program pengajian Islam untuk membimbing para pelajarnya fahami, hayati dan amalkan agama berdasarkan tradisi keilmuan Islam seperti yang dirakamkan dalam cara pandang alam, falsafah dan matlamat pendidikan Islam bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah.
- Tawarkan Pengajian Islam di peringkat tinggi (program separuh dan sepenuh masa) peringkat Sijil, Diploma, Diploma Lanjutan, Sarjana Muda, Sarjana dan Pasca Sarjana.
- Aspirasi pendidikan tawarkan pengajian dalam pelbagai disiplin ilmu (*jāmi‘ah*) dan bersifat menyeluruh (*kulliyah*).
- beri peluang pelajar-pelajar madrasah setempat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.
- Kurikulum dan Silibus Akademiknya diinspirasikan dari pandangan Kiai sendiri juga perspektif Islamnya yang menjadi sumber pengajian dan pengajaran beliau.

INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AL-ZUHRI

Bekerjasama dengan:

- i. **Fakultas Agama Islam - Universitas Ibn Khaldun (FAI – UIKA), Bogor, Indonesia untuk Peringkat Sarjana Muda Pengajian Islam (SMPI) - UIKA dan Program Pasca Siswazah Pengajian Islam (PSPI).**
- ii .**Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RZS CASIS) – Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk Program Pasca Siswazah Pengajian Islam (PSPI) peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.**



PESANAN KIAI AHMAD ZUHRI MUTAMMIM



- "... Guru-guru agama perlu bersungguh-sungguh lagi bagi meninggikan syiar Islam. Mereka perlu membanyakkan lagi orang-orang yang mengerjakan perintah Allah. Di samping itu mereka perlu tekun dan sabar dalam menjalankan dakwah, terutama sekarang ini banyak godaan."
- Wawancara bersama wartawan *risalah Sinar Islam*
Jilid 1, Bilangan 4, 1981 - terbitan Pergas.

TERIMA KASIH



Kiai Ahmad Zuhri Mutammim
Penerima Anugerah "Ilmiawan", Muis
(1979)